

'Jadi mata, telinga polis'

■ Penuntut universiti diharap bekerjasama bantu turunkan kadar jenayah



HASANUDDIN (kanan) melepaskan peserta kayuhan.

Oleh Norul Awatif Romli

awatirfroml@mediapri-ma.com.my

Serdang

Polis Selangor berharap penuntut universiti menjadi mata dan telinga polis dalam usaha menurunkan kadar jenayah indeks negeri itu menjelang Disember tahun ini.

Ketua Jabatan Pengurusan Selangor Senior Asisten Komisioner Hasanuddin Hassan berkata, menerusi Program Kepolisan Komuniti, pihaknya turut mengaktifkan generasi Y sebagai medium komunikasi berkesan bagi menyebarkan hala tuju jenayah terkini masyarakat.

"Kesedaran mencegah jenayah perlu dipupuk daripada akar umbi. Oleh itu, bagi menarik golongan generasi Y ini, kami memasukkan unsur kesukanan dan riadah seperti aktiviti berbasikal dalam aktiviti pencegahan jenayah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis pembukaan Program Kayuhan Bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di pekarangan Bangunan Pentadbiran Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, selain usaha



PESERTA ceria dan bersemangat memulakan kayuhan.

polis mengadakan sekatan jalan raya, beliau meminta masyarakat supaya bekerjasama dengan polis dalam usaha merealisasikan objektif itu.

Katanya, aktiviti rondaan berbasikal yang turut dipergiatkan di setiap daerah mampu mengakang jenayah meliputi kawasan sukar dimasuki motosikal dan kereta.

Aktiviti kayuhan itu disertai kira-kira 200 pelajar termasuk Sukarelawan Polis (SUKSIS) UPM dan 30 anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Serdang Asisten Komisioner Abdul Razal Elias berkata, menerusi program sebegini, pihaknya menelekankan aspek dua hala iaitu kerjasama erat antara komu-

niti masyarakat dan PDRM dalam aktiviti pencegahan awal jenayah setempat.

"Selain mendidik warga kampus menjadi penyulur maklumat kepada polis, program sebegini diharap dapat menjadi satu wadah kepada pelajar untuk mempelajari cara-cara menghindar diri daripada menjadi mangsa jenayah."

"Ternyata aktiviti ini mendapat sambutan baik kerana bukan saja menerima maklum balas positif pelajar, malah undangan berterusan daripada pihak universiti," katanya.

Menurutnya, dalam program itu, pelajar juga ditekankan supaya mahir menggunakan saluran Malaysian Emergency Respond System (MERS 999), Rakan Cop dan polis bantuan pada waktu kecemasan supaya sebarang jenayah itu dapat dibendung dari awal.

FAKTA
Generasi Y jadi medium komunikasi berkesan sebar hala tuju jenayah terkini